



PERATURAN DAN GARIS PANDUAN BAGI PELANTIKAN PROFESOR ADJUNG

Tawaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat pelantikan berikut:

1.0 TEMPOH PERLANTIKAN

- 1.1 Maksimum dua (2) tahun dan boleh dilantik semula berdasarkan keperluan Fakulti.
- 1.2 Disyaratkan bermasutautin sekurang-kurangnya empat (4) minggu dalam satu (1) sidang akademik.

2.0 SYARAT KELAYAKAN

- 2.1 Calon terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara, pesara atau bukan pesara;
- 2.2 Tenaga pakar dari industri dari kalangan **bukan akademik**;
- 2.3 Mempunyai kelayakan akademik minimum Ijazah Sarjana Muda;
- 2.4 Mempunyai kelayakan profesional dalam bidang kepakarannya dengan pengalaman **minimum 20 tahun**; dan
- 2.5 Mempunyai kepakaran yang iktiraf dalam dan luar negara.

3.0 GELARAN JAWATAN

- 3.1 Calon yang dilantik sebagai Profesor Adjung boleh menggunakan gelaran **Profesor Adjung** dalam tempoh lantikannya.

4.0 KEMUDAHAN UNTUK PENYANDANG

4.1 Penyandang jawatan Profesor Adjung boleh menerima kemudahan-kemudahan berikut:

- (i) Tambang kapal terbang atau pengangkutan pergi/balik Kelas Perniagaan atau setaraf. Terhadap kepada **satu (1) kali perjalanan dalam tempoh satu (1) semester**;
- (ii) Kelayakan penginapan adalah Standard Superior Rate atau kadar RM300++ atau Loging RM85 sehari;
- (iii) Kereta dan seorang pemandu atau RM180 sebulan jika Universiti tidak menyediakan kenderaan;
- (iv) Kemudahan rawatan pesakit luar untuk diri sendiri sahaja di klinik panel UMS atau Hospital Kerajaan semasa berada di UMS;
- (v) Dibayar Honorarium sebanyak **RM10,000.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Ribu Sahaja)** di akhir tempoh satu (1) sidang akademik (2 semester);
- (vi) Universiti Malaysia Sabah akan membiayai kos penerbitan makalah/buku/buletin dan sebagainya, yang dihasilkan semasa seseorang itu menyandang jawatan ini; dan
- (vii) Kemudahan dan peralatan biasa seperti berikut:
 - a. Kad pekerja
 - b. Kad nama
 - c. Akaun emel 'ums.edu.my'
 - d. Pas Kenderaan
 - e. Keahlian Perpustakaan
 - f. Bilik Gunasama
 - g. Sijil/Watikah pelantikan

5.0 TUGAS DAN FUNGSI PROFESOR ADJUNG

5.1 Tugas dan fungsi Profesor Adjung adalah seperti berikut:

- (i) Memberi syarahan dalam bidang kepakarannya;
- (ii) Selaku perunding atau penasihat akademik;
- (iii) Membantu di dalam kerja-kerja pengurusan yang difikirkan perlu;
- (iv) Membantu di dalam penyelidikan dan perundingan;
- (v) Memberi seminar, bengkel dan penerbitan;

- (vi) Membantu mengeratkan hubungan UMS dengan organisasi-organisasi luar Universiti;
- (vii) Membantu mendapatkan/mengekalkan pengiktirafan akreditasi untuk program akademik; dan
- (viii) Mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan oleh Fakulti/Pusat/Institut.

6.0 NOTIS PENAMATAN

- 6.1 Universiti boleh pada bila-bila masa menamatkan perkhidmatan seseorang Profesor Adjung dengan sebulan notis secara bertulis.
- 6.2 Seseorang Profesor Adjung boleh pada bila-bila masa berhenti dari perkhidmatan dengan memberi notis sebulan kepada Universiti.

7.0 SYARAT KHAS

Dalam setiap masa pelantikan ini adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 (Akta 605), Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah, Statut, Kaedah, Peraturan, Syarat-Syarat Perkhidmatan dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa di Universiti Malaysia Sabah dan apa-apa pindaan dari semasa ke semasa.

Disediakan oleh:

Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah